

05/07/1999

Maha '99 bukti pertanian asas ekonomi negara

Mior Kamarul Shahid

PAMERAN Pertanian, Holtikultur dan Agro-pelancongan 1999 (Maha '99) mula diperkenalkan pada 1960-an. Ketika itu Maha adalah antara acara peringkat nasional yang paling besar diadakan. Ia berjaya menarik pengunjung dari dalam dan luar negara untuk melihat kemajuan di bidang pertanian di negara ini.

Hari ini pun Maha sinonim dengan tapak perumahan Taman Datuk Harun, dekat Kuala Lumpur. Sebut saja tapak Maha, orang akan mengkaitkannya dengan Taman Datuk Harun. Sebelum dijadikan kawasan perumahan, tapak Maha adalah kawasan padang yang luas. Di situlah segala kemajuan bidang pertanian dipamerkan. Selepas itu, Maha tidak lagi kedengaran. Jika ada pun pameran mengenai pertanian, ia diadakan di peringkat negeri dan daerah. Di peringkat nasional, ia lebih dikenali sebagai Hari Peladang.

Maha menyingkap kembali sumbangan sektor pertanian dalam proses pembangunan negara. Jika dahulu, sektor pertanian memberi fokus hanya kepada pengeluaran ladang, hari ini tarafnya sudah meningkat dengan gabungan teknologi dalam bidang pertanian. Pada 1960-an, lebih banyak jenis sayur-sayuran dan buah-buahan serta ternakan dipamerkan. Hari ini keadaannya berubah kerana sektor pertanian turut mengeluarkan bahan makanan yang sudah diproses menerusi kemajuan teknologi. Dahulu sektor pertanian dianggap hak mutlak petani, hari ini ia menjadi tarikan syarikat dan pengusaha swasta yang melihat potensi sektor pertanian sebagai industri yang memberi pulangan yang menggalakkan.

Sesungguhnya asas ekonomi negara - dulu dan sekarang, masih berpaksi kepada sektor pertanian meskipun kemajuan negara sudah memberi anjakan baru kepada sektor perindustrian sejajar dengan pemodenan negara. Setelah kira-kira 30 tahun berlalu, Malaysia tidak terus diulit mimpi hingga melupakan sektor pertanian, walau pun sektor itu pernah dikaitkan dengan punca kemunduran dan kemiskinan. Disebabkan sektor pertanian juga berkembang mengikut arus pembangunannya tersendiri, pelbagai kemajuan menerusi teknologi moden sudah pun disuntik bagi memastikan sektor itu tidak terikat kepada penggunaan alat-alat tradisi dan diusahakan oleh tenaga manusia semata-mata.

Jika pada peringkat awal Maha diadakan, penganjur hanya mampu mempamerkan enjin kubota yang digunakan untuk menggantikan tenaga kerbau membajak di sawah, hari ini industri pertanian memperkenalkan segala macam peralatan pertanian yang mengkagumkan.

Bagi mereka yang mengikuti kemajuan di bidang pertanian, banyak kemajuan di bidang itu boleh diketengahkan. Selain jentera moden yang membantu petani dan industri berasaskan pertanian, sektor pertanian turut mengalami perubahan dari segi hasil kerja selidik dan pembangunan berkaitan industri pertanian. Pengiktirafan sektor pertanian bukan terbatas kepada kaum petani semata-mata, tetapi mencangkupi segala bidang tugas yang membabitkan industri berkenaan.

Setelah begitu lama sektor pertanian dianggap tenggelam, hari ini tidak siapa boleh menafikan bahawa kemajuan sektor itu setaraf dengan sektor lain di negara ini. Sesungguhnya, sektor pertanian adalah ibarat aur dan tebing dalam konteks kemajuan ekonomi negara. Perlu diakui bahawa sektor berasaskan pertanian adalah penyumbang terbesar ekonomi negara. Industri pembuatan terutamanya yang berasaskan makanan tidak dapat digerakkan tanpa sokongan sektor pertanian. Ternyata, industri pembuatan dan pertanian saling berganding untuk menjamin kejayaan masing-masing. Hakikatnya, jika

dahulu Malaysia hanya dikenali sebagai pengeluar utama barangan berasaskan kepala sawit, getah, kayu balak, lada hitam dan koko, hari ini menerusi gandingan industri pembuatan, Malaysia berjaya mengeluarkan produk yang berasaskan kepada bahan-bahan berkenaan. Menerusi kemajuan teknologi, penggunaan bahan-bahan itu sudah dipelbagaikan secara inovatif. Contohnya, jika kayu getah hanya diibarat sampah sebelum ini, sekarang bahan itu sudah dijadikan perabot untuk tujuan eksport.

Atas keyakinan ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Maha 99 di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, malam semalam, menegaskan kekuatan sektor pertanian dan pelancongan perlu diteliti dengan tujuan memaksimumkan sumbangannya kepada rakyat dan ekonomi negara sebagai persiapan menghadapi alaf baru.

Jika Dr Mahathir mengakui kepentingan sektor pertanian, setiap rakyat yang terbabit dalam industri berkenaan tentunya bertambah yakin bahawa industri pertanian akan terus ditingkatkan di negara ini. Anggapan yang mengatakan bahawa sektor atau industri pertanian dikategorikan dalam kelas dua ekonomi negara adalah meleset, setelah melihat betapa kemajuan industri itu berjaya menyaingi industri lain. Semua ini kerana industri pertanian bergerak seiring dengan kemajuan teknologi.

Di Malaysia, tidak ada sebab kerajaan mengabaikan sektor pertanian kerana ia adalah asas kemajuan ekonomi negara. Sektor pertanian jugalah yang dianggap sebagai penyelamat ketika ekonomi negara mengalami kegawatan baru-baru ini. Dengan matlamat untuk mempelbagaikan dan meningkatkan penggunaan sumber kekayaan negara, sektor pertanian menjadi bertambah penting. Segala potensi sektor itu perlu digemblengkan bagi memastikan rakyat sendiri mendapat faedahnya.

(END)